

PERMOHONAN PENYEWAAN RUMAH DI BAWAH PROGRAM RUMAH TRANSIT 1MALAYSIA KUALA LUMPUR DI PPR BUKIT JALIL

Program Rumah Transit 1Malaysia Kuala Lumpur bertujuan memberi kemudahan perumahan untuk pasangan muda yang berkahwin dan berumur 30 tahun dan ke bawah.

KADAR SEWA DAN TEMPOH SEWA

- a) Kadar sewa ialah RM250 sebulan.
- b) Tempoh penyewaan adalah 2 tahun.
- c) Notis makluman untuk pengosongan rumah akan dikeluarkan kepada penyewa dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh tamat kontrak.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

Syarat-syarat kelayakan permohonan Rumah Transit 1Malaysia Kuala Lumpur:

- a) Pemohon dan pasangan adalah warganegara Malaysia;
- b) Pemohon berumur 30 tahun dan ke bawah;
- c) Pemohon tidak mempunyai rumah sendiri di Kuala Lumpur;
- d) Pemohon bekerja di Lembah Klang;
- e) Pendapatan isi rumah RM3,000 dan ke bawah; dan
- f) Tiada rekod jenayah.

LAIN-LAIN SYARAT

- Pemohon tidak boleh menyewakan (*sub let*) rumah transit; dan
- Pemohon tidak boleh menuntut sebarang kos untuk pindah masuk / keluar ke / dari rumah transit tersebut.

CARA PERMOHONAN

5. Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Penyewaan Rumah Di Bawah Program Rumah Di Bawah Program Rumah Transit 1Malaysia Kuala Lumpur dan mengemukakan **borang tersebut serta dokumen yang lengkap** kepada alamat di bawah:

Aras 35, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Projek PPR
Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 35, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100
PUTRAJAYA